

TERHAD

JABATAN PENGURUSAN FASILITI BERSEPADU • DEPARTMENT OF INTEGRATED FACILITIES MANAGEMENT

Rujukan: UKM HTM.1/200/2 JLD. 2

Tarikh : 04 November 2025

Semua Ketua
Jabatan/Bahagian/Pejabat
Kampus Kuala Lumpur

YBhg. Prof./Tuan/Puan,

**HEBAHAN KEAHLIAN MESYUARAT MAJLIS BERSAMA JABATAN (MBJ) PERINGKAT HOSPITAL
CANSELOR TUANKU MUHRIZ (HCTM), UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA BAGI SESI 2024/2026**

Dengan hormatnya perkara di atas adalah dirujuk.

2. Untuk makluman, Majlis Bersama Jabatan (MBJ) adalah sebuah medium dua (2) hala di mana Pihak Pekerja diberi saluran untuk berkomunikasi dengan Pihak Pengurusan dalam menyuarakan pendapat, pandangan serta menyumbang idea-idea yang bernas demi kepentingan dan kebaikan organisasi serta tertakluk kepada bidang dan fungsi Majlis. Mesyuarat ini akan bersidang sebanyak tiga (3) kali setahun.

3. Sehubungan itu, sekiranya warga HCTM mempunyai sebarang isu/idea/cadangan yang bermanfaat untuk dibawa ke Mesyuarat MBJ peringkat HCTM, YBhg. Prof./Tuan/Puan boleh menghubungi Wakil Pihak Pekerja mengikut kategori keahlian yang ditetapkan. Bersama-sama ini disertakan poster dan direktori keahlian MBJ untuk dimaklumkan kepada kakitangan seliaan YBhg. Prof./Tuan/Puan.

Kerjasama dan perhatian YBhg. Prof./Tuan/Puan dalam perkara ini amat dihargai.

Sekian, terima kasih.

Better, Faster, Friendlier

Yang benar,



ROHAYA BINTI ISMAIL

Ketua

Jabatan Pengurusan Fasiliti Bersepadu

Merangkap Setiausaha Majlis Bersama Jabatan, HCTM



**JABATAN PENGURUSAN FASILITI BERSEPADU
HOSPITAL CANSELOR TUANKU MUHRIZ, UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA**
Tingkat 1, Blok Asrama Jururawat, Jalan Yaacob Latif, Bandar Tun Razak, 56000 Cheras, Kuala Lumpur
Tel.: +603-9145 8221 / 5108 / 5105 / 5101 Web://hctm.ukm.my/fasiliti

TERHAD